

Uchapan, A1240
442
6/80

Uchapan Y.B. Menteri Pelajaran Malaysia
Enche Hussein Onn di-Hari Uchapan
Sekolah Alam Shah, Kuala Lumpur pada
12hb. Jun, 1971, jam 9.30 pagi.

Saya berasa amat sukachita, kerana dapat
berada di-Sekolah Alam Shah, pada ^{pagi} hari ini, dan dapat
pula peluang beruchap kepada tuan2 dan puan2 di-
dalam majlis yang berbahagia ini. Oleh itu terlebih
dahulu, biar-lah saya sampaikan ucapan terima kaseh, saya
kepada Pengerusi dan Ahli2 Lembaga Pengelola serta
Guru Besar dan Guru2-nya kerana menjemput saya hadir
ka-majlis ini.

2. Sapertimana yang kita semua sedia ketahui,
Sekolah Alam Shah ada-lah merupakan Sekolah Menengah
aliran Kebangsaan yang terulong di-dalam negeri kita.
Sekolah ini telah di-tubuhkan sembilan tahun dahulu,
untuk menampung dan menyambong pelajaran murid2 dari
Sekolah2 Menengah Kebangsaan yang chemerlang kejayaan-nya,

supaya mereka boleh dapat belajar di-dalam suasana yang baik, dan mempunyai kemudahan2 yang serba lengkap, dan dengan itu menuju ka-perengkat pelajaran yang sa-tinggi2-nya. Pada hari ini, kita semua patutlah berasa bangga dan bershukor, oleh kerana benih yang kita semaikan sembilan tahun dahulu telah mula menunjukkan hasil-nya. Saya faham bahawa semenjak tahun 1965, agak ramai murid2 dari Sekolah ini yang telah berjaya, masok ka-Universiti2 sama ada di-dalam atau di-luar negeri, dan mereka yang telah mendapat ijazah sedang memberi khidmat2 penting di-serata tempat di-seluruh negara. Dalam hal ini, saya berasa amat bangga mendapat tahu bahawa, sa-orang bekas murid sekolah ini, telah mendapat "rekod persekolahan" (scholastic record) yang amat chemerlang di-sa-buah Universiti di-Australia, dan beliau sekarang sedang mengikuti kursus Ph.D. dalam lapangan Ilmu Sains di-Universiti itu. Saya harap

di-beritahu oleh pegawai2 saya bahawa, berband 3/--

Siapa dia?

kejayaan dan kechemerlangan rekod bekas murid2 Sekolah ini, akan menjadi inspirasi kepada murid2 yang sedang belajar di-sini, untuk bekerja dan belajar dengan tekun dan chekal hati, dan dengan itu memberi bukti dan meyakinkan masharakat bahawa, penuntut2 aliran Kebangsaan ada-lah sama kalibar-nya dengan penuntut2 lain.

3. Kementarian saya memang sedar bahawa, sekolah ini telah mengalami beberapa kesukaran dari segi pembekalan guru, ia-itu sa-bagaimana yang di-bayangkan oleh tuan Pengerusi Lembaga Pengelola tadi. Dalam hal ini, saya ingin mengingatkan tuan2 dan puan2 bahawa, kesukaran yang di-alami oleh Sekolah ini, ada-lah bayangan masaalah yang di-hadapi oleh negara seluruh-nya, tentang kekurangan guru2, khas-nya guru2 untuk mengajar mata2 pelajaran Sains dan Ilmu Hisab. Sekolah ini nampak-nya, lebeh bernasib baik kerana saya telah di-beritahu oleh pegawai2 saya bahawa, berbanding

dengan beberapa sekolah lain, yang juga menghadapi masalah kekurangan guru, layanan yang di-beri kepada Sekolah Alam Shah ini ada-lah cukup baik, sungguh pun jauh dari yang ideal.

4. Kekurangan guru2 siswazah untuk mengajar mata2 pelajaran tertentu, ada-lah sentiasa menjadi masalah besar di-dalam negara kita, semenjak kita mula mengadakan pelajaran anika jurusan pada tahun 1965, yang memberi peluang kepada murid2 kita untuk mendapat pelajaran menengah sa-kurang2-nya sa-lama 3 tahun. Di-samping itu, bilangan murid2 kita di-sekolah2 telah bertambah dengan ada-nya kesedaran rakyat terhadap mustahak-nya pelajaran, di-sambut dengan kesediaan Kerajaan kita mendirikan Sekolah2 di-cherok rantau untuk memenuhi kehendak rakyat. Kekurangan guru2 berkelayakan, ~~itu~~ ada-lah lebeh2 terasa lagi pada Sekolah2 Menengah aliran Melayu seperti Sekolah Alam Shah ini.

5. Ada banyak sebab mengapa kita sangat2 kekurangan guru2 siswazah, khas-nya dalam lapangan Sains dan Hisab. Dua sebab yang mustahak ia-lah, pertama-nya, sedikit sangat penuntut2 kita yang mengambil pengkhususan dalam lapangan Sains dan Ilmu Hisab, dan yang kedua-nya ia-lah, ramai mahasiswa2 kita yang ada kelulusan dalam Sains khas-nya, enggan mencheborkan diri di-dalam lapangan perguruan.

6. Mengenai masaalah yang pertama, Kementerian Pelajaran telah dan sedang berusaha dengan bersungguh2 untuk mengatasi-nya. Usaha2 sedang di-pergiatkan bagi membanyakkan murid2 kita, khas-nya murid2 Melayu, untuk menumpukan pengajian dalam pelajaran Sains dan Ilmu Hisab. Sekolah Alam Shah ini sendiri ada-lah menjadi bakti usaha Kerajaan itu. Oleh itu, apa yang mustahak dari segi ini, ia-lah murid2 sendiri, khas-nya murid2 Melayu dari luar bandar, seperti murid2 Sekolah ini,

hendak-lah bertekun, berusaha dan bersungguh2
merebut peluang2 yang di-sediakan oleh Kerajaan itu.
Saya ingin mengingatkan kepada tuan2 dan puan2
bahawa, perbelanjaan bagi menyediakan murid2 dan
penuntut2 untuk pelajaran Sains, ada-lah jauh lebih
mahal dari pelajaran Sastera, sama ada pada perengkat
sekolah, maktab atau universiti. Bagi murid2 Sekolah
Alam Shah ini misal-nya, Kementerian Pelajaran membelanja-
kan lebih dari \$600.00 tiap2 tahun bagi sa-orang murid.
7. Oleh itu, murid2 kita hendak-lah bekerja, belajar
dan berusaha sama sa-timbal dengan kesediaan Kerajaan
mengeluarkan wang yang begitu banyak untuk pendidekan
mereka. Tumpuan fikiran, dan tumpuan tindakan, sa-orang
murid atau penuntut, hendak-lah sa-mata2 kepada hal2
pelajaran dan kepada aktiviti2 yang kena mengena dengan
persekolahan dan pendidekan, termasuk-lah sokan,
permainan dan lain2 aktiviti luar darjah. Dalam hal
ini, maksud saya ada-lah juga meliputi kepada chara
murid2 semua membelanja dan menggunakan wang mereka,

khas-nya wang biasiswa, yang di-beri oleh Kerajaan.

Ada-lah sangat tidak patut, sa-kira-nya ada murid2 kita yang mendapat biasiswa, tetapi membelanjakan-nya pada benda2 yang tidak kena mengena dengan pelajaran dan pendidekan, seperti membeli seluar2 dan baju2 chantek dan mahal untok berlagak atau membeli radio dan transister untok berseronok2. Saya harap tidak ada murid2 di-Sekolah ini yang berkelakuan seperti itu, tetapi sa-kira-nya ada, saya meminta Guru Besar dan guru2 di-sini, supaya mengambil tindakan tegas menchegehakan kelakuan burok itu.

8. Berbalek kapada masaalah yang kedua, ia-itu tentang keengganan siswa2 kita mencheborkan diri dalam lapangan perguruan, ada-lah menjadi harapan saya bahawa, apabila terlaksana-nya skim perguruan Surohanjaya Aziz, lebeh ramai siswa2 kita, khas-nya yang mempunyai kelayakan dalam Sains dan Hisab, akan berkhidmat sa-

bagai guru dan terus berkhidmat dalam lapangan itu hingga ka-akhir-nya. Dengan meletakkan pendapatan dan perkhidmatan guru sa-tanding dengan perkhidmatan2 lain, saya berharap sekim perguruan yang baru ini, akan dapat menghapuskan rasa tidak puas hati di-kalangan guru2 kita yang sedikit sa-banyak-nya, telah menjejaskan keadaan pelajaran dan pendidekan di-Sekolah2 kita sa-lama ini. Oleh itu, saya ingin menyeru kapada murid2 di-sini, dan kapada penuntut2 yang lain, khas-nya yang mengikuti pelajaran Sains, supaya mencheborkan diri dalam lapangan perguruan apabila mereka telah mendapat kelayakan yang sesuai. Ada-lah mustahil bagi Kerajaan untok menyediakan pelajaran yang betul2 baik kapada anak2 kita, sa-kira-nya penuntut2 dan mahasiswa2 kita sentiasa menchari jalan untok lari dari lapangan perguruan, saperti yang telah berlaku semenjak beberapa tahun yang lepas. Kita hendak-lah sedar dan faham bahawa, jalan yang sa-baik2-nya untok membaiki keadaan masharakat kita, ia-lah dengan

kita sendiri mencheborkan diri sa-chara lansong untok membaiki kepinchangan2 yang ada. Mencheborkan diri dalam lapangan perguruan,ada-lah chara yang sa-baik2-nya. Dalam masa yang lepas2,saya perhatikan bahawa terlampau banyak orang kita yang menegor malahan mengecham keadaan pelajaran dan pendidekan kita, tanpa memeriksa sama ada mereka sendiri telah menyumbangkan satu2 yang kongkerit terhadap pem-
baikan-nya. Sikap pengeritik pelok tuboh atau "armchair critic" ini,tidak akan membawa apa2 faedah yang berpanjangan,oleh kerana,pelajaran dan pendidekan sa-benar-nya bukan-lah benda2 fisikal saperti sekolah, bangku atau buku,tetapi pelajaran ada-lah satu proses jiwa dan proses hidup yang berjalan sa-panjang hari dan sa-panjang masa. Dengan itu,tiap2 anggota masharakat ada tugas2 yang mesti di-jalankan,untok menjayakan proses itu sa-penoh-nya. Di-mana2 conference pendidekan antara bangsa,yang saya biasa hadzir semenjak menjadi Menteri Pelajaran,saya sentiasa di-beri kesan oleh pakar2 pendidekan bahawa,salah satu sebab mengapa dunia moden menghadapi krisis pendidekan ia-lah

kerana, pelajaran dan pendidekan sudah menjadi satu aktibiti yang begitu "specialised", sa-hingga orang menganggap bahawa pelajaran itu sa-mata2 tugas guru2, sekolah2, Pejabat2 Pelajaran dan Kementerian Pelajaran sahaja.


9. Saya ingin menyeru kepada guru2 dan murid2 Sekolah Alam Shah ini, supaya bekerja lebeh keras lagi untuk kemajuan yang lebeh pesat lagi. Sunggoh pun pada tahun ini Sekolah Alam Shah telah menunjukkan lebeh banyak kemajuan dari tahun2 yang lepas, saperti yang di-laporkan oleh Guru Besar tadi, saya fikir kemajuan yang lebeh tinggi dan keputusan2 yang lebeh baik, perlu di-kejar supaya sa-padan dengan kedudukan sekolah ini sa-bagai Sekolah Menengah Kebangsaan yang terulong. Sapertimana yang kita semua ma'alum, Kerajaan sedang berusaha dengan giat-nya, untuk mengembang dan mengemaskan kedudukan dan perjalanan Universiti Kebangsaan kita, dan Sekolah Alam Shah-lah merupakan "feeder-school" yang mustahak, bagi Universiti itu, khas-nya dalam fakulti Sains. Oleh itu, dalam masa beberapa tahun ka-hadapan

ini, mundor maju-nya Universiti Kebangsaan kita
ada-lah bergantung kapada Sekolah2 saperti Sekolah
Alam Shah ini.

10. Berchakap mengenai Universiti Kebangsaan,
saya anggap ada-lah amat sesuai pada tempat-nya
bagi saya mengumumkan bahawa, dalam usaha Kerajaan
hendak mengemaskan perjalanan Universiti itu,
Y.A.B. Tun Abdul Razak sa-laku Chanselor Universiti
Kebangsaan, telah bersetuju atas perlantekan dua orang
raayat Malaysia yang terkenal sa-bagai Pro-Chanselor.
Mereka itu ia-lah Y.A.B. Tun Tan Siew Sin dan Tan Sri Nik
Ahmad Kamil.

*Ucapan Pengucap Lembaga
Pangadala: -*

- ① Guru Besar selalu bertukar.
- ② Padang Sekolah.



ini mudiq maju-nya Universiti Kebangsaan Kita

ada-lah bergantung kepada Sekolah seperti Sekolah

Alam Shah ini.

10. Berchakap mengenai Universiti Kebangsaan

sayu anggap ada-lah amat sesuai pada tempat-nya

bagi sayu mengemukakan bahawa dalam usaha Kerjasama

hendak mengemakan perjanjian Universiti itu,

Y.A.B. Tun Abdul Razak sa-laku Channelor Universiti

Kebangsaan telah berseutu ataa perlanakan dua orang

terseut Malaysia yang terkenal sa-bagai Pro-Chancellor.

Meraka itu sa-lah Y.A.B. Tun Tan Siew Sin dan Tan Sri Nik

Amad Kamli.



(Faint handwritten notes and signatures)

No Siri 39
No. Penerimaan 39/80